



KETUA PENGARAH
UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN
PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU)
JABATAN PERDANA MENTERI
ARAS 6, BLOK B2
KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62502 PUTRAJAYA



Telefon : 03-88882311
Faks : 03-88883163
Email : normah@mampu.gov.my

MAMPU.BDPICT (S) 700-6/1/3 (7)

15 September 2009

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

Y.Bhg./Y.B. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PENGGUNAAN SMARTPHONE, PERSONEL DIGITAL ASSISTANT DAN ALAT KOMUNIKASI MUDAH ALIH SEBAGAI SALURAN KOMUNIKASI TAMBAHAN

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman Y.Bhg./Y.B. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan, penggunaan *smartphone* dan *Personel Digital Assistant* (PDA) serta alat-alat komunikasi mudah alih yang lain mempunyai tahap penggunaan yang meluas di seluruh negara dan juga di serata dunia. Penggunaan peralatan ini berupaya meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan dengan menyediakan saluran komunikasi yang cepat dan mudah untuk berhubung di antara Kerajaan dengan pelanggan dan di antara penjawat-penjawat awam yang lain.



3. Sehubungan itu, Mesyuarat Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK) pada 6 Ogos 2009 telah memutuskan supaya capaian e-mel melalui penggunaan *smartphone*, PDA dan alat-alat komunikasi mudah alih tidak disekat dengan syarat-syarat berikut:

- (a) Mematuhi peraturan-peraturan sedia ada; dan
- (b) E-mel yang dihantar dan diterima tidak melibatkan dokumen terperingkat.

4. Pihak Y.Bhg./Y.B. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah memastikan semua maklumat Kerajaan dikendalikan mengikut prosedur dan peraturan yang telah ditetapkan. Sebarang perbuatan mendedahkan maklumat Kerajaan adalah bertentangan dengan Arahan Keselamatan dan Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 2000 iaitu Rangka Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi.


5. Semua Ketua Jabatan adalah dipohon untuk mengambil tindakan sewajarnya agar peraturan ini dipatuhi dan dipantau sepenuhnya dengan berkesan.

Sekian, terima kasih.

"BERSAMA MELAKSANA TRANSFORMASI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATUK NORMAH BINTI MD YUSOF)

s.k.

Y.Bhg. Tan Sri Mohd Sidek Hj Hassan
Ketua Setiausaha Negara
Pejabat Ketua Setiausaha Negara
Aras 4, Blok Timur
Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA